

# UniMAP Jalankan Kerjasama

## Dengan Beberapa Universiti Di Cambodia Dan Laos



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hari ini memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan beberapa universiti di Phnom Penh, Cambodia bagi membolehkan UniMAP bertukar-tukar kepakaran bidang yang berkaitan. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, ini merupakan hubungan yang baru dan perlu diberi perhatian bagi merealisasikan hasrat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia agar IPT di Malaysia membantu lingkaran CLMV (Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam). UniMAP telah mempunyai jalinan yang baik dengan beberapa universiti di Vietnam dan kini melebarkan jalinan hubungan dengan Cambodia dan Laos.

UniMAP menandatangani MoU dengan beberapa universiti iaitu Norton University (NU), Cambodian Mekong University (CMU) dan Universiti Antarabangsa Cambodia (IU) disaksikan oleh Duta Besar Malaysia di Cambodia, Y. Bhg. Datuk Pangiran Hj Mohd Hussein b. Datuk Pangiran Hj Mohd Tahir Nasruddin dan wakil universiti. Turut hadir dalam majlis tersebut beberapa wakil universiti Build Bright University dan staf-staf kedutaan Malaysia.

"Antara yang dipersetujui dalam perjanjian ini ialah pertukaran pelajar dan pensyarah, penajaan beberapa penuntut di Cambodia dalam menyambung pengajian selain penumpuan dalam bidang pembangunan teknologi dan penyelidikan."

Majlis tersebut diadakan bersempena dengan lawatan kerja delegasi UniMAP dalam mempromosikan program anjuran bersama UniMAP dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEX) yang dijadual diadakan pada April akan datang. Penerangan mengenai pameran disampaikan oleh Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, Pengurus ENVEX Young Researcher Club (EYReC) dan Dr Mukhzeer Mohd. Shahimin yang merupakan pengurus i-ENVEX.

Delegasi UniMAP juga sempat mengadakan lawatan rasmi ke Norton University dan beberapa perkara telah dipersetujui antaranya, UniMAP akan menghulurkan bantuan kepada dalam membangunkan kampus NU dengan teknologi masa kini di samping perbincangan awal penubuhan kolej universiti UniMAP-NU.

Dalam pada itu juga, pihak UniMAP juga mengorak langkah dengan menjalin hubungan dengan salah satu universiti di Laos iaitu National University of Laos (NUOL). Perjumpaan lebih menjurus kepada perbincangan masa akan datang dalam beberapa perkara berkaitan dengan peningkatan pembangunan pengajian tinggi di Laos dan sebagainya.

Perbincangan dua hala ini dihadiri oleh Timbalan Presiden NUOL dan Timbalan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi Laos, Prof Madya Bounheng Siharath dan juga Ketua Kedutaan Malaysia di Laos, En Mohd Shamsul Nizam Shamsuddin.

